

Baca dan jawab soalan- soalan berikut.



Siew Lin beli sebuah kereta baharu. Dia telah membeli kereta ini pada hari Selasa minggu lepas. Dia beli kereta ini di Kedai Kereta Ah Lin. Kereta Siew Lin cantik dan berwarna kuning terang. Kereta ini ada empat tayar, lampu yang terang dan kerusi yang cantik.

Harga kereta ini ialah RM 50 ribu. Siew Lin amat sayangkan keretanya. Setiap hari Siew Lin akan membasuh keretanya. Siew Lin beli kereta kerana dia perlu kereta untuk pergi ke tempat kerja setiap hari.

Siew Lin juga mengajak kawan-kawannya untuk naik keretanya. Siew Lin membawa kawan-kawannya pergi ke Kuala Lumpur dengan kereta Siew Lin. Mereka berkata kereta ini sangat selesa dan mereka bangga dengan Siew Lin.

1. Siapakah yang beli kereta baru?

2. Bilakah Siew Lin membeli kereta ini?

3. Apakah warna kereta Siew Lin?

4. Berapakah harga kereta ini?

5. Kenapakah Siew Lin beli kereta?

6. Ke manakah Siew Lin membawa kawan-kawannya pergi berjalan-jalan?